
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JTW 111 – PRINSIP PERAKAUNAN KEWANGAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEBELAS muka-surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

SOALAN 1 (14 markah)

Berikut adalah Timbangan Duga Perniagaan Tina pada 31 Disember, 2003.

**Perniagaan Tina
Timbangan Duga
Pada 31 Disember, 2003.**

Akaun-akaun	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	15,684	
Akaun Belum Terima	5,539	
Bekalan	865	
Inventori awal, pada 31 Disember, 2002	13,660	
Peralatan Pejabat	6,500	
Susutnilai Terkumpul: Peralatan Pejabat		2,600
Van	15,000	
Susutnilai Terkumpul: Van		9,000
Jualan		77,990
Pulangan dan Elaun Jualan	3,035	
Belian	55,010	
Pulangan dan Elaun Belian		2,100
Belanja Upah dan Gaji	6,150	
Belanja Utiliti	1,150	
Modal, Tina pada 31 Disember, 2002		35,903
Ambilan	5,000	
JUMLAH	127,593	127,593

Soalan 1 (samb.)**Maklumat Tambahan/Pelarasan:**

- (i) Susutnilai Peralatan Pejabat dan Van adalah pada kadar 20% setahun mengikut *kaedah garis lurus*.
- (ii) Bekalan ditangan pada 31 Disember, 2003 adalah sebanyak RM 572.
- (ii) Upah bayar dulu sebanyak RM 150 telah dimasukkan ke dalam Belanja Upah dan Gaji.
- (iv) Terdapat bil utiliti sebanyak RM 70 yang belum dibayar.
- (v) Perniagaan Tina menggunakan Sistem Inventori Berkala dan mengikut pengiraan fizikal pada 31 Disember, 2003, inventori akhir adalah sebanyak RM 10,200.

Anda dikehendaki :

- (a) Menunjukkan catatan bergu bagi pelarasan yang diperlukan. (5 markah)
- (b) Menyediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2003. (6 markah)
- (c) Menyediakan Penyata Modal bagi tahun berakhir 31 Disember, 2003. (3 markah)

...4/-

SOALAN 2 (24 markah)

Ali dan Tan merupakan rakan kongsi dalam sebuah perniagaan, Ali dan Rakan-rakan. Di dalam perjanjian perkongsian, untung atau rugi telah dipersetujui untuk diagihkan dengan nisbah 60:40 bagi Ali dan Tan. Berikut adalah Timbangan Duga pada 30 Jun, 2003:

**Ali dan Rakan-rakan
Timbangan Duga
Pada 30 Jun, 2003.**

Akaun-akaun	Debit	Kredit
	RM	RM
Bank	31,890	
Tunai	2,275	
Simpanan Tetap	45,000	
Akaun Belum Terima	10,680	
Peralatan Pejabat	18,000	
Susutnilai Terkumpul: Peralatan Pejabat		7,200
Perabot	6,500	
Susutnilai Terkumpul: Perabot		2,600
Utiliti Belum Bayar		216
Hasil Yuran Perkhidmatan		60,660
Faedah atas simpanan tetap		1,570
Belanja Sewa	18,000	
Belanja Gaji pekerja	11,500	
Belanja Utiliti	2,260	
Akaun Semasa Pada 30/6/2002		
Ali		13,888
Tan		12,971
Akaun Modal:		
Ali		40,000
Tan		30,000
Ambilan:		
Ali	15,000	
Tan	8,000	
JUMLAH	169,105	169,105

Soalan 2 (samb.)**Maklumat Tambahan/Pelarasan:**

- (i) Susutnilai Peralatan Pejabat dan Perabot adalah pada kadar 20% setahun mengikut *kaedah garis lurus*.
- (ii) Perkara-perkara berikut juga telah dipersetujui:
- Tan menerima gaji sebanyak RM12,000 setahun.
 - Faedah atas modal diberikan sebanyak 10% setahun.
 - Ambilan dikenakan faedah sebanyak 5% setahun

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Catatan bergu bagi setiap pelarasan yang diperlukan. (4 markah)
- (b) Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun, 2003. (5 markah)
- (c) Akaun Perasingan bagi tahun berakhir 30 Jun, 2003. (4 markah)
- (d) Akaun Semasa Ali dan Akaun Semasa Tan pada 30 Jun, 2003. (6 markah)
- (e) Kunci Kira-Kira seperti pada 30 Jun, 2003 (5 markah)

SOALAN 3 (27 markah)

Sapu Bersih Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 1999 dengan Modal Dibenarkan sebanyak RM250,000. Aktiviti utamanya adalah menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan bangunan-bangunan bertingkat. Pada 31 Disember, 2003 Sapu Bersih Sdn. Bhd. mempunyai modal diterbitkan dan berbayar sebanyak RM 150,000 dan Timbangan Duga pada tarikh tersebut adalah seperti berikut:

Sapu Bersih Sdn. Bhd.
Timbangan Duga
Pada 31 Disember, 2003.

Akaun-akaun	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	28,990	
Yuran Perkhidmatan Belum Terima	112,000	
Bangunan	80,000	
Susutnilai Terkumpul: Bangunan		4,800
Peralatan	27,500	
Susutnilai Terkumpul: Peralatan		11,000
Kenderaan	60,000	
Susutnilai Terkumpul: Kenderaan		12,000
Yuran Perkhidmatan Tertunda (Pendahuluan Yuran Perkhidmatan)		1,600
Peruntukan hutang lapuk, 31 Disember, 2002		9,520
Overdraf Bank		37,990
Pinjaman Bank (jangka-panjang)		50,000
Hasil Yuran Perkhidmatan		150,500
Belanja Gaji	73,900	
Belanja Insurans	1,800	
Belanja Pembaikan	44,870	
Belanja Perkhidmatan Pembersihan	17,010	
Belanja Utiliti	2,450	
Belanja Faedah	3,550	
Saham Biasa		150,000
Perolehan Tertahan, 31 Disember, 2002		24,660
JUMLAH	452,070	452,070

Soalan 3 (samb.)**Maklumat Tambahan/Pelarasan:**

- (i) Susutnilai bagi tahun 2003 untuk Bangunan adalah sebanyak RM 1,600, Peralatan sebanyak RM 5,500 dan Kenderaan sebanyak RM 12,000.
- (ii) Faedah atas overdraf bank dan pinjaman bank masing-masing sebanyak RM 270 dan RM 940 telah terakru dan masih belum dibayar.
- (iii) Sebanyak RM 350 daripada Yuran Perkhidmatan Tertunda (Pendahuluan Yuran Perkhidmatan) telah diperolehi dan perlu diiktirafkan dalam tahun 2003.
- (iv) Berdasarkan analisis Yuran Perkhidmatan Belum Terima pada akhir tahun, berikut adalah pecahan baki mengikut perusiaan akaun berkenaan.

<u>Jumlah</u>	<u>1-30 hari</u>	<u>31-60 hari</u>	<u>61-90 hari</u>	<u>Lebih 90 hari</u>
112,000	30,000	25,000	45,000	12,000

Peruntukan hutang lapuk dibuat berdasarkan kaedah perusiaan teragregat seperti berikut:

1-30 hari	:	0.1
31-60 hari	:	1
61-90 hari	:	5
Lebih 90 hari	:	85

Anda dikehendaki :

- (a) Mengira peruntukan hutang lapuk yang perlu ditambah/dikurangkan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2003. Tunjukkan catatan bergu dan juga akaun T bagi Akaun Peruntukan Hutang Lapuk selepas pelarasan tersebut.
(4.5 markah)
- (b) Menunjukkan catatan bergu bagi pelarasan-pelarasan lain yang diperlukan.
(3.5 markah)

...8/-

- (c) Menyediakan Penyata Pendapatan dan Penyata Perolehan Tertahan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2003.

(7 markah)

- (d) Menyediakan Kunci Kira-Kira seperti pada 31 Disember, 2003. Kunci Kira-Kira perlu dibentangkan dengan elok dan kemas mengikut klasifikasi seperti Aset Tetap, Aset Semasa dan seterusnya.

(8 markah)

- (e) Tunai, walaupun hanya sebahagian kecil daripada aset yang ditunjukkan di dalam kunci Kira-Kira Syarikat, ia antara aset terpenting yang memerlukan kawalan dalaman perakaunan yang baik kerana paling terdedah kepada kecurian dan penyelewengan. Sebutkan dua (2) langkah kawalan dalaman bagi mengawal aset Syarikat secara amnya dan dua (2) contoh kawalan dalaman khususnya bagi tunai.

(4 markah)

...9/-

SOALAN 4 (17 markah)

Mutiara Trading Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual baju-T secara borong. Pada awal tempoh perakaunan, 1 Julai, 2003 Mutiara Trading Sdn. Bhd mempunyai baki inventori sebanyak 1,000 unit yang kosnya pada RM5.00 seunit. Di sepanjang bulan Julai Mutiara Trading Sdn. Bhd. membuat dua belian iaitu pada 7 Julai, sebanyak 1,500 unit pada kos RM7.00 seunit dan pada 27 Julai sebanyak 2,000 unit pada kos RM9.00 seunit. Pada 25 Julai Mutiara Trading Sdn. Bhd membuat jualan sebanyak 1,700 unit pada harga RM12.00 seunit. Berikut adalah ringkasan data berkaitan inventori dalam bulan Julai, 2003.

**Data Inventori
Bagi Bulan Julai, 2003**

Tarikh 2003	Belian	Jumlah RM	Jualan	Jumlah RM
1 Jul	Baki 1,000 unit @ RM5.00	5,000		
7 Jul	Belian 1,500 @ RM7.00	10,500		
25 Jul			Jualan 1,700 @ RM12.00	20,400
27 Jul	Belian 2,000 @ RM9.00	18,000		
	Jumlah	33,500	Jumlah	20,400

- (a) Sekiranya Mutiara Trading Sdn. Bhd. menggunakan sistem inventori berterusan, berapakah kos barang dijual bagi penjualan baju-T yang dibuat pada 25 Julai dan inventori akhir (RM) pada 31 Julai, 2003 andaikata andaian aliran kos adalah:

- (i) MDKD (Masuk Dulu Keluar Dulu)
- (ii) MKKD (Masuk Kemudian Keluar Dulu)
- (iii) Kos Purata

(12 markah)

- (b) Antara MDKD, MKKD dan Kos Purata, andaian aliran kos yang manakah yang menghasilkan untung bersih yang paling rendah bagi Mutiara Trading Sdn. Bhd.?

(2 markah)

- (c) Apabila melapurkan nilai inventori di dalam Kunci Kira-Kira, apakah hukum penilaian inventori yang perlu dipatuhi bagi memastikan nilai yang dilapurkan sejajar dengan prinsip *konservatisme* dalam perakaunan?

(3 markah)

(17 markah)

...10/-

SOALAN 5 (18 markah)

Berikut adalah butir-butir yang terdapat di dalam Penyata Kewangan Bandingan Syarikat Pinang Muda Sdn. Bhd.:

- (i) Penyata Pendapatan Bandingan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2003, 2002 dan 2001:

	2003 RM	2002 RM	2001 RM
Jualan Bersih	856,000	747,000	909,000
Keuntungan Bersih	51,000	27,000	62,000

- (ii) Kunci Kira-Kira Bandingan seperti pada 31 Disember, 2003, 2002 dan 2001:

	2003 RM	2002 RM	2001 RM
Tunai	31,000	33,000	38,000
Akaun Belum Terima, bersih	117,000	86,000	122,000
Barangniaga	109,000	103,000	118,000
Bayaran Dulu / Pra-bayar	6,000	8,000	7,000
Pelaburan Jangka-panjang	19,000	8,000	18,000
Harta, Bangunan dan Peralatan, bersih	507,000	399,000	403,000
Nota Belum Bayar (jangka-pendek)	43,000	31,000	39,000
Akaun Belum Bayar	74,000	65,000	81,000
Liabiliti terakru (jangka-pendek)	25,000	33,000	37,000
Pinjaman Jangka-panjang	291,000	199,000	213,000
Saham Biasa	186,000	186,000	186,000
Perolehan Tertahan	170,000	123,000	150,000

...11/-

Soalan 5 (samb.)

Jumlah aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	2003 RM	2002 RM	2001 RM
Jumlah Aset	789,000	637,000	706,000
Jumlah liabiliti	433,000	328,000	370,000

- (a) Berdasarkan butir-butir yang terdapat didalam Penyata Pendapatan Bandingan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2003, 2002 dan 2001, sediakan analisis melintang (analisis aliran) bagi Syarikat Pinang Muda Sdn. Bhd. (Bundarkan kepada 2 titik perpuluhan).

(3 markah)

- (b) Kirakan bagi tahun 2003 dan 2002 SAHAJA:

- (i) Margin Untung Bersih
- (ii) Pulangan ke atas Ekuiti
- (iii) Nisbah Semasa
- (iv) Nisbah Ujian Asid (Nisbah Cepat)
- (v) Nisbah Hutang
- (vi) Nisbah Kadar-Faedah-Keuntungan ('Times-Interest-Earned'/'Interest Cover')

(6 markah)

Maklumat Tambahan:

	2003 RM	2002 RM
Belaja Cukai	22,000	12,000
Belanja Faedah	23,000	11,000

- (c) Berdasarkan nisbah-nisbah yang telah dikira, berikan pandangan anda tentang keuntungan, kecairan dan kehutangan (keupayaan membayar). Sokong jawapan anda dengan merujuk kepada nisbah-nisbah berkenaan dan bandingkan prestasi Syarikat Pinang Muda Sdn. Bhd. (pada tahun 2003) dengan tahun 2002.

(9 markah)

